



# **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

## **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI 2006/2007**

- NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN KOKURIKULUM**
- KOD MATA PELAJARAN : MBE 1242**
- KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN**
- TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006**
- JANGKA MASA : 2 JAM**
- ARAHAN :**
- 1. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DENGAN MENANDAKAN JAWAPAN YANG BETUL DI DALAM BORANG OMR.**
  - 2. JAWAB HANYA DUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN B DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.**
  - 3. IKAT KERTAS SOALAN BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN.**

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA BELAS MUKA SURAT**

BAHAGIAN A

- S1 Berikut adalah aktiviti-aktiviti kokurikulum diadakan di tempat mengikut kesesuaian keadaan. Padanan manakah di bawah ini yang tidak sesuai mengikut keadaan?
- A Syarahan – Dalam bilik darjah.
  - B Sukan – Dalam dewan.
  - C Berenang – Dalam laut.
  - D Menembak – Di lapangan sasaran.
- S2 Salah satu pilihan di bawah merupakan bukan matlamat kokurikulum.
- A Menyemai perasaan muhibbah.
  - B Meningkatkan disiplin pelajar.
  - C Memberi pengalaman yang tiada kepentingan sosial.
  - D Memberi keseimbangan antara perkembangan jasmani dengan perkembangan emosi, rohani dan sosial.
- S3 “Pelajar disarankan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum kerana tidak semua masa pelajar digunakan untuk belajar sahaja.”
- Kenyataan di atas merujuk kepada tujuan:
- A Menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti.
  - B Membentuk pelajar yang cemerlang dan berketrampilan.
  - C Menggunakan masa dengan yang lebih berfaedah.
  - D Melahirkan pelajar yang berpengalaman luas.
- S4 Berikut merupakan ahli jawatankuasa induk program pengurusan dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan kecuali
- A Penasihat.
  - B Jurulatih.
  - C Naib Pengerusi.
  - D Setiausaha.

- S5 “Kawalan diri, kawalan dari luar, keadaan bilik darjah yang teratur, berpakaian kemas, cara penetapan peraturan dan penggunaan hukuman.”

Kenyataan di atas lebih sesuai merujuk kepada:

- A Sukan dan Permainan.
  - B Kelab dan Persatuan.
  - C Pakaian Seragam.
  - D Hobi dan Kebajikan.
- S6 Semasa penubuhan kelab atau persatuan, deraf perlembagaan lazimnya ditulis oleh
- A jawatankuasa adhoc.
  - B jawatankuasa tetap.
  - C jawatankuasa dilantik.
  - D jawatankuasa kecil.
- S7 Penilaian markah bagi aktiviti kokurikulum paling utama menekankan ciri
- A pencapaian pelajar berdasarkan kemajuan dan keaktifan berinteraksi.
  - B pencapaian pelajar berdasarkan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu.
  - C pencapaian pelajar berdasarkan kriteria atau pandangan guru secara peribadi.
  - D pencapaian pelajar berdasarkan jawatan yang disandang.
- S8 Keputusan mesyuarat mengikut peraturan memerlukan persetujuan tidak kurang
- A 1/2 ahli.
  - B 2/3 ahli.
  - C 3/5 ahli.
  - D 3/4 ahli.
- S9 Mesyuarat diadakan khasnya untuk menangani perkara-perkara berikut kecuali
- A membuat keputusan.
  - B menyemak status atau progres program.
  - C mendengar alasan.
  - D mengagih tugas.

S10 Kandungannya disusun mengikut agenda mesyuarat dan perlu kelihatan teratur dan kemas;

- Tajuk
- Kehadiran.
- Perutusan pengerusi.
- Perkara berbangkit.
- Penutup.

Rumusan yang dinyatakan di atas merujuk kepada

- A surat rasmi.
- B maklumat edaran persatuan.
- C minit mesyuarat.
- D agenda mesyuarat.

S11 Keputusan mesyuarat dibuat secara konsensus bermaksud

- A majoriti ahli yang mengundi bersetuju.
- B kesemua ahli yang mengundi bersetuju.
- C separuh ahli yang mengundi setuju.
- D tiada ahli setuju.

S12 Untuk mengadakan mesyuarat, perkara berikut boleh dijadikan agenda kecuali

- A jadual tindakan kerja segera.
- B rancangan yang telah ditolak.
- C senarai masalah belum selesai.
- D laporan kemajuan.

S13 Sistem fail yang digunakan dalam pengurusan pejabat hendaklah memudahkan di mana beberapa ciri utama lagi penting seperti berikut harus diikuti kecuali

- A menyimpan fail supaya mudah dicari dan susunannya teratur.
- B mengelaskan fail mengikut perkara dan tugas.
- C menggunakan ruang supaya pergerakan paling minimum
- D mengubahsuai tajuk fail supaya mengikut kehendak dan keadaan semasa.

- S14 “Tajuk menggambarkan objektif program dan kandungannya perlulah mengandungi tujuan, objektif, matlamat, penerangan tentang projek, jawatankuasa pelaksana dan anggaran kewangan.”

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A kertas kerja.
  - B buku program.
  - C laporan aktiviti.
  - D poster program.
- S15 Berikut adalah kesan-kesan positif kegiatan kokurikulum ke atas seseorang pelajar kecuali
- A dapat mengubah taraf hidup diri dan keluarganya.
  - B dapat mempengaruhi orang lain untuk tujuan sendiri.
  - C dapat mencipta kejayaan sendiri.
  - D dapat membina pemikiran yang kritis dan analitik.
- S16 Situasi berikut menunjukkan keadaan paling sesuai bagi aktiviti kokurikulum sebagai berperanan dalam mengintegrasikan sosial (menyatupadukan masyarakat).
- A Meletakkan pelajar di dalam satu kumpulan berdasarkan minat, kaum, status sosial atau aliran fahaman.
  - B Bermesra melalui senyum kepada rakan, memberi salam kepada guru dan menulis tanda nama peribadi.
  - C Menyatukan semua rakyat Malaysia yang terdiri dari Melayu, India dan Cina kepada satu identiti kebangsaan dalam satu aktiviti bersama.
  - D Ibu bapa melibatkan diri dan menunjukkan tingkah laku yang positif terhadap anak-anak.

- S17 Antara situasi berikut manakah paling tidak sesuai menunjukkan keadaan majlis rasmi?
- A Majlis formal yang mengandungi tatacara atau protokol tertentu yang perlu diikuti.
  - B Diurus dan dikelolakan secara profesional bagi mengelakkan kepincangan, kecacatan dan ketidaksempurnaan yang boleh menjejaskan imej penganjur.
  - C Susunan keutamaan dan tempat duduk tetamu dalam majlis mengikut keutamaan seseorang tetamu kehormat tersebut.
  - D Tempat duduk hadirin, warga tua ditempatkan di bahagian depan kemudian diikuti warga muda.
- S18 Berikut ini adalah sukan tradisional kecuali
- A main gasing.
  - B sepak raga bulatan.
  - C sepak takraw.
  - D tarik tali.
- S19 Kenyataan manakah di bawah ini lebih tepat kepada bidang sukan dan permainan?
- A Bidang ini memupuk nilai-nilai murni di samping perkembangan kemahiran psikomotor.
  - B Bidang ini memupuk nilai-nilai murni di samping perkembangan kemahiran berfikir.
  - C Bidang ini memupuk nilai-nilai murni di samping perkembangan kemahiran kumpulan dan individu.
  - D Bidang ini memupuk nilai-nilai murni di samping perkembangan kemahiran diri semula jadi.
- S20 “Kejohanan seperti ini menjadi kemuncak acara di peringkat daerah, negeri, negara atau dunia dan menyediakan banyak pingat.”
- Kenyataan di atas lebih tepat dirujuk kepada
- A pertandingan lagu.
  - B olahraga.
  - C mencari harta karun.
  - D angkat berat.

- S21 Keباikan sukan dan permainan sangat ternyata seperti di bawah kecuali
- A dapat meningkatkan pelbagai kemahiran generik.
  - B dapat menjadikan anggota tubuh segar dan cergas.
  - C dapat meningkatkan jangka hayat.
  - D dapat menguatkan minda atau fikiran.
- S22 Senarai tugas di bawah merujuk kepada jawatan:
- I Menyimpan pendaftaran ahli.
  - II Bekerjasama dengan pengerusi bagi mentadbir dan menguruskan persatuan.
  - III Menjalankan tugas seperti ketetapan dalam perlembagaan persatuan.
  - IV Bertanggungjawab mengenai surat menyurat dengan badan-badan luar.
- A AJK.
  - B Penolong Pengerusi.
  - C Setiausaha.
  - D Penolong Setiausaha.
- S23 Memilih tempat yang sesuai dan membuat permohonan kebenaran kepada tuan punya tempat berkenaan. Kemudian menyiapkan cadangan aturcara dan mengedarkannya kepada pelajar dan ibu bapa atau penjaga mereka untuk makluman. Sekiranya ini merupakan satu proses dalam merancang kegiatan kokurikulum, apakah kegiatan kokurikulum ini?
- A Hari Keluarga.
  - B Lawatan.
  - C Berkhemah.
  - D Kajian.
- S24 Semasa menjalankan program atau aktiviti kokurikulum luar, semua peserta mesti menitikberatkan perkara berikut melainkan
- A menjaga kesihatan peserta.
  - B memikul tanggungjawab bersama.
  - C menjaga keselamatan semasa perjalanan program.
  - D membawa kewangan yang cukup.

- S25 Dalam pertandingan kalah mati, *bye* boleh dilakukan dalam sukan dan permainan sekiranya terdapat
- A kumpulan menarik diri.
  - B ahli sesuatu kumpulan tidak cukup.
  - C bilangan kumpulan yang bertanding ganjil.
  - D ahli kumpulan yang setuju.
- S26 Pembentukan \_\_\_\_\_ sangat penting bagi pertandingan aktiviti kokurikulum. Penentuan pegawai dan jawatankuasa bergantung kepada jenis, bentuk dan aktiviti sesuatu pertandingan.
- A kumpulan.
  - B jawatan.
  - C jadual tugas.
  - D jawatankuasa pengelola.
- S27 Persatuan dan kelab lazimnya ditubuhkan kerana
- A mencari pasangan untuk berumahtangga.
  - B memupuk minat bergaul luas.
  - C melatih hidup bermasyarakat.
  - D memperjuangkan matlamat yang dikongsi bersama.
- S28 Apakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara langsung atau tidak langsung yang dapat menambah pengetahuan pelajar dan mendedahkan kepada alam semula jadi?
- A Lawatan.
  - B Perkhemahan.
  - C Kajian.
  - D Sukan.
- S29 Laporan selepas menjalankan aktiviti kokurikulum harus mengandungi elemen-elemen penting kecuali
- A maklumat laporan acara.
  - B cadangan pengisian akan datang.
  - C bukti perlakuan seperti gambar.
  - D perbelanjaan sebenar dengan resit.



- S30 Apakah ciri terbaik aktiviti kokurikulum yang paling membantu pelajar dalam pembangunan diri?
- A Menyemai nilai-nilai moral dalam gerak kerja kokurikulum.
  - B Mengimbang antara perkembangan intelek dengan perkembangan jasmani, rohani dan emosi.
  - C Menyumbang kepada pembinaan iklim, budaya dan tempat yang menarik dan menyeronokkan.
  - D Pengisian masa lapang yang berfaedah.
- S31 Dasar pentadbiran sekolah kerap menegaskan pentingnya perkara berikut dalam kegiatan kokurikulum kecuali
- A penubuhan persatuan dan kelab yang boleh mendatangkan faedah.
  - B pelajar wajib menyertai ketiga-tiga jenis gerak kerja pasukan iaitu pakaian seragam, sukan atau permainan dan persatuan atau kelab.
  - C sekolah memutuskan sendiri untuk menambah pasukan sekiranya terdapat masalah seperti bilangan pasukan pakaian seragam yang tidak mencukupi untuk disertai oleh pelajar.
  - D mengubah jenis aktiviti dan gerak kerja kokurikulum berdasarkan minat dan kemudahan.
- S32 Kokurikulum mempunyai perspektif yang tersendiri tentang peribadi dan tingkah laku pelajar. Apakah secara umumnya agenda Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan kokurikulum terhadap pelajar di institusi pendidikan?
- I Membina nilai positif.
  - II Mempelbagaikan corak interaksi.
  - III Mengasah kebolehan dan bakat individu.
  - IV Melatih kepimpinan dan jati diri.
- A I dan II sahaja.
  - B I dan IV sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

S33 Organisasi kokurikulum lazimnya terdiri dari jenis-jenis aktiviti seperti

- I Pakaian Seragam.
- II Kelab Komputer.
- III Kembara.
- IV Olahraga.

- A I sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S34 Persatuan atau kelab diarahkan untuk membuat Perlembagaan sebagai garis panduan bagi pucuk pimpinan dan anggota-anggota dalam menggerakkan organisasi yang mereka anggotai. Perlembagaan ini perlu semasa mendaftar persatuan.

Manakah antara tempat dan perkara di bawah berkaitan dengan arahan yang diberikan di atas?

- I Matapelajaran Kokurikulum Wajib.
- II Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
- III Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- IV Jabatan Akademik.

- A I sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S35 Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan perjalanan sesuatu mesyuarat adalah

- I Pengerusi menggunakan kuasa sewajarnya.
- II Pengerusi mengawasi pengaliran maklumat.
- III Notis dikirimkan dalam tempoh tertentu sebelum mesyuarat.
- IV Minit mesyuarat disediakan dengan baik oleh setiausaha.

- A I sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S36 Apakah faktor kritikal yang mempengaruhi Pusat atau Unit Kokurikulum untuk berjaya menjalankan program di intitusi pengajian tinggi.

- I Sentiasa merancang aktiviti luar.
- II Mengorganisasikan budaya kokurikulum.
- III Kepakaran staf dan pelajar.
- IV Reka bentuk dan kandungan pembelajaran (Kokurikulum wajib).

- A I dan II sahaja.
- B I dan IV sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S37 Kenyataan manakah di bawah ini benar mengenai pelaksanaan sukan dan permainan di institusi pengajian?

- I Memberi pengalaman supaya bersifat kompetitif.
- II Mengeratkan perhubungan dan perpaduan.
- III Memberi peluang berriadah.
- IV Menanam semangat bersaing secara sihat.

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C II, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S38 Tujuan mesyuarat yang betul adalah:

- I Menyelesaikan banyak tugas dan masalah organisasi.
- II Mengikut kehendak perlembagaan organisasi.
- III Mendapatkan keputusan dari pengerusi mesyuarat.
- IV Merancang sesuatu starategi dan program.

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C I, II dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S39 Akaun persatuan boleh dibuka di mana-mana bank dengan syarat:

- I Ditetapkan dalam mesyuarat jawatankuasa induk.
  - II Mengisi borang pendaftaran dan ditandatangani oleh pengerusi, bendahari dan setiausaha.
  - III Proses pengeluaran ditandatangani oleh bendahari atau/serta wakil yang dibenarkan.
  - IV Mempunyai wang hasil aktiviti persatuan.
- 
- A I sahaja.
  - B I dan II sahaja.
  - C I, II dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

S40 Setiap perancangan dan pengendalian aktiviti perlu mempunyai:

- I matlamat atau objektif yang jelas.
  - II penglibatan semua anggota dan pengagihan tugas serta tanggungjawab.
  - III tindakan yang perlu diambil.
  - IV penilaian.
- 
- A I dan II sahaja.
  - B I, II dan III sahaja.
  - C I, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV.

(60 markah)

BAHAGIAN B

S1 Anda adalah seorang pensyarah politeknik. Anda telah didatangi oleh seorang pengetua sekolah menengah yang meminta anda memberi ceramah motivasi kepada sekumpulan pelajar tingkatan tiga beranggaran seramai 150 orang. Cadangkan tajuk ceramah motivasi yang akan anda adakan serta senaraikan sepuluh poin yang sesuai yang akan anda ceramahkan dengan setiap poin itu diberikan justifikasi kenapa ia perlu disentuh.

(20 markah)

S2 Jika anda adalah seorang pensyarah yang bertanggungjawab mengenai sukan secara keseluruhan di sebuah politeknik, apakah cadangan anda untuk mewarnakan aktiviti sukan tersebut sepanjang tahun? Hasilkan perancangan anda dalam bentuk jadual atau kalendar yang sesuai serta beri rasional kenapa jadual berkenaan wajar diadakan.

(20 markah)

S3 Jika anda adalah seorang penasihat sebuah kelab/persatuan atau aktiviti kokurikulum di politeknik yang berhadapan dengan masalah kewangan, cadangkan bagaimana kelab/persatuan atau aktiviti kokurikulum yang anda nasihati itu boleh menjana kewangan tanpa meminta peruntukan dari pihak pengurusan atau mengutip sumbangan daripada ahli-ahli. Ceritakan rancangan dan kaedah-kaedah dengan terperinci yang boleh ahli-ahli lakukan.

(20 markah)